

03 AUG 2002

Mahathir-Keganasan/I

NEGARA MEMBANGUN WAJAR BERSATU PERANGI KEGANASAN EKONOMI

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara membangun patut bersatu sebagai satu kumpulan bagi membolehkan mereka menangani keganasan ekonomi.

"Kita wajar bersatu sebagai satu kumpulan supaya tindakan itu berkesan," kata Perdana Menteri pada persidangan media di luar sesi Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Global 2002), di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga penaung Global 2002, berkata semasa perbincangan, peserta dialog turut menyentuh perkara itu.

Ditanya mengenai cara terbaik untuk menangani keganasan ekonomi, Perdana Menteri berkata negara membangun mesti memahami isu itu terlebih dahulu dan kemudiannya membuat pendekatan seragam.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia telah mencadangkan supaya negara membangun mengambil pendirian bersama, hasilnya tidak dapat diperolehi serta-merta.

"Namun saya agak yakin, apa yang saya katakan diterima peserta dan kita akan buat tindakan susulan," kata Dr Mahathir.

Dalam ucapan perasmian dan jamuan malam Global 2002 dua hari lepas, Perdana Menteri menggesa supaya keganasan, termasuk keganasan ekonomi diperangi habis-habisan.

Namun, bagi menyjayakannya, beliau berkata semua pihak mesti terlebih dahulu memahami apa yang dimaksudkan dengan keganasan ekonomi.

Sebelum itu, seorang peserta Global 2002, Tan Sri Ramon Navaratnam yang menyokong kebimbangan Dr Mahathir mengenai keganasan ekonomi berkata dalam proses globalisasi sekalipun, keganasan ekonomi wujud.

Navaratnam berkata keganasan ekonomi berlaku di meja rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan menyebabkan dasar-dasarnya tidak memihak kepada negara-negara membangun.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah menubuhkan pasukan petugas mengenai globalisasi bagi mengkaji impaknya, bagaimana ia dilaksanakan dan kesannya kepada negara.

Katanya pasukan petugas itu terdiri daripada para pegawai Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Perdana Menteri juga berkata beliau menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap kegagalan negara-negara Selatan untuk mencapai persetujuan mengenai pelbagai isu.

"Saya masih tidak puas hati dengan perjanjian mengenai pelbagai isu yang mempunyai kepentingan bersama."

"Antara negara-negara Islam, sebagai contoh, kita gagal mencapai kata sepakat mengenai apa yang harus dilakukan untuk Palestin," katanya.

Dr Mahathir juga berkata ketika beliau menyebut mengenai sebuah negara telah menarik keluar pelaburan asing dari Malaysia dengan menawarkan US\$200 juta sebagai "umpan", tujuan saya adalah untuk menunjukkan bahawa negara-negara membangun kini perlu bersaing dengan negara maju untuk mendapatkan pelaburan langsung asing (FDI).

"Saya hanya menyebutnya sebagai contoh. Dalam banyak kejadian, kita dapati negara-negara, negeri-negeri malah pihak berkuasa tempatan menawarkan tanah secara percuma dan subsidi modal bagi menarik FDI."

"Ini pastinya bermaksud negara-negara membangun perlu bersaing dengan negara maju untuk dapatkan FDI. Dalam satu keadaan, kita pastinya akan bersaing dengan mereka dan ini merupakan pertandingan yang tidak adil.

-- BERNAMA
MKO MAD SHY LAT